

06 FEBRUARI 2018

Kopi durian campur dadah dijual di pusat hiburan - Polis

Kopi durian campur dadah dijual di pusat hiburan - Polis

KLANG 5 Feb. - Polis tidak menolak kemungkinan kopi berperisa durian yang dipercayai dicampur dadah dijual oleh sindiket di pusat-pusat hiburan di Pulau Pinang.

Perkara itu disahkan Timbalan Pengarah (Risikan dan Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berdasarkan siasatan awal yang dijalankan oleh pihaknya.

Bagaimanapun katanya, kopi tersebut tidak sempat diedarkan ke negeri-negeri lain oleh sindiket terbabit memandangkan tiada laporan terbaharu diterima berkaitan minuman tersebut di luar Pulau Pinang setakat ini.

"Berdasarkan siasatan awal, minuman tersebut dibeli oleh seseorang individu atau kumpulan sindiket sebelum dipercayai dicampur dadah dan dipekakkan semula untuk dijual di pusat-pusat hiburan di Pulau Pinang.

"Bagaimanapun, mereka (sindiket) membuangnya ke tempat pembuangan sampah di Taman Ria, Air Itam, Pulau Pinang setelah menyedari kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa. Namun pekot minuman tersebut telah dijumpai orang ramai," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan di sini hari ini.

Tambah Chez Kiang, orang awam yang menjumpai kopi tersebut mengambilnya kerana menyangkakan minuman tersebut dari jenama yang mahal sebelum memberikan kepada rakan-rakan mereka yang lain tanpa mengetahui kandungan yang sebenar.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan pihaknya ketika ini sedang mengesan individu dan juga kumpulan sindiket terbabit yang cuba mengedarkan pekot kopi segera tersebut di Pulau Pinang.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berharap polis dapat menyasat kemungkinan kopi berperisa durian yang dicampur bahan asing dipercayai dadah didalangi sindiket yang ketika ini sedang bergerak aktif.

Katanya, pihaknya mendapat maklumat kopi tersebut khususnya yang berperisa durian te-



Berdasarkan siasatan awal, minuman tersebut dibeli oleh seseorang individu atau kumpulan sindiket sebelum dipercayai dicampur dadah dan dipekakkan semula untuk dijual di pusat-pusat hiburan di Pulau Pinang."

KANG CHEZ CHIANG
Pengarah (Risikan dan Operasi)
Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik
Bukit Aman

lah dibekalkan ejen-ejen tertentu untuk diagihkan kepada orang ramai.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, siasatan berhubung perkara itu hanya akan dilakukan sekiranya keputusan analisis mengesahkan kopi tersebut mengandungi bahan terlarang.

Sementara itu di Pulau Pinang, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang pengurus kilang mendakwa pengedaran kopi dicampur benda asing itu bertujuan untuk mensabotaj syarikatnya.

"Siasatan meliputi pelbagai sudut termasuk dakwaan didalangi sindiket tertentu mengikut Seksyen 272 Kanun Keseksaan," katanya.